



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : BAHAN DALAM REKABENTUK  
DALAMAN**

**KOD KURSUS : DID1183**

**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**

**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan.

1. Isikan tempat kosong pada ruang yang disediakan.

(8 markah)

KUMPULAN KAYU	NAMA KAYU	KEGUNAAN
(a)	(b)	Panel hiasan, venir, papan lapis dan perabot.
(c)	(d)	Pintu, tingkap, rasuk, tiang, siling, perabot, pensel, patung, bingkai gambar, pemegang berus cat, hiasan perabot, panel, parket dan susur tangga.
(e)	(f)	Pembinaan berat, tiang, gelegar, panel, jambatan, parket, almari, cerucuk, pemegang alatan, kekuda, rasuk, gerabak lori.
(g)	(h)	Kapal, rangka, ukiran, jambatan, landasan, cerucuk, gelegar, lantai dan perabot.

2. Berikan **dua (2)** kumpulan utama logam.

(2 markah)

3. Senaraikan **empat (4)** bahan yang menghasilkan kemasan karpet.

(4 markah)

4. Isikan tempat kosong pada ruang yang disediakan di bawah.

(6 markah)

<b>Nama Peralatan</b>	<b>Kegunaan</b>
(a)	Penanda dan jajaran pemasangan jubin
(b)	Menguji ketegakan, rataaan dan kejajaran jubin
(c)	Mendapatkan kepersegiaan dan sudut tepat rancang tanda pada permukaan lantai
(d)	Untuk menyebarkan bahan perekat pada permukaan kerja jubin
(e)	Memotong jubin secara lurus mengikut saiz yang ditentukan
(f)	Memotong bahagian kecil jubin

[20 MARKAH

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Kayu merupakan bahan semulajadi yang terhasil di hutan belantara di Malaysia. Kira-kira 60% terdiri dari kawasan hutan.

- a. Berikan **empat (4)** papan gantian yang biasa digunakan dalam industri perabot dan pembinaan. (4 markah)
- b. Huraikan ciri-ciri papan gantian yang dinyatakan di 1(a). (8 markah)
- c. Lakarkan kaedah penekan kayu pada papan jalur lantai. (3 markah)

**SOALAN 2**

Karpet merupakan sejenis pelapik lantai yang diperbuat daripada fabrik yang tebal.

- a. Berikan **tiga (3)** jenis karpet dalam kategori *loop pile*. (3 markah)
- b. Huraikan ciri-ciri *loop pile*. (3 markah)
- c. Nyatakan **tiga (3)** jenis karpet jenis *cut pile*. (3 markah)
- d. Lakarkan keratan rentas bagi **tiga (3)** jenis karpet *cut pile* yang di nyatakan di 2(c). (6 markah)

**SOALAN 3**

Vinil terhasil dari bahan buatan sintetik yang terdiri daripada plastic dan klorida.

a. Berikan maksud vinil.

(1 markah)

b. Berikan **dua (2)** jenis kemasan vinil.

(2 markah)

c. Huraikan **enam (6)** ciri-ciri vinil.

(12 Markah)

**SOALAN 4**

Plastik merupakan bahan yang amat meluas digunakan dalam rekabentuk dalaman sesebuah bangunan kerana bahan ini mudah didapati dan mudah untuk dikitar semula.

a. Nyatakan **tiga (3)** jenis utama plastik .

(3 markah)

b. Terangkan secara ringkas kegunaan setiap bahan plastik dibawah:-

i. Polypropylene (PP)

( 4 markah)

ii. *Low-Density Polyethylene (LDPE)*

(4 markah)

iii. *High-Density Polyethylene (HDPE)*

(4 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Kopopo Design mendapat peluang melakukan pemasangan karpet di syarikat Horray Sdn. Bhd. Huraikan cara pemasangan karpet yang menggunakan kaedah peregangan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Kaca merupakan salah satu elemen penting pada bangunan. Fungsi kaca selain untuk pencahayaan, ia juga merupakan sebahagian dari nilai estetika sesebuah bangunan.

- a. Senaraikan **lima (5)** bahan utama yang digunakan dalam pembuatan kaca.

(5 markah)

- b. Berikan **lima (5)** jenis kaca yang digunakan sebagai bahan rekabentuk dalaman.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Rakan anda bercadang untuk memasang sendiri jubin di bahagian dapur rumah beliau. Beliau meminta anda menunjukkan cara pemotongan jubin yang betul. Anda dikehendaki menerangkan kerja-kerja pemotongan jubin yang perlu dilakukan beserta gambarajah yang bersesuaian.

(10 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

